

14/03/2005

Dua model baru Porsche dilancar

AUTO Eurokars Sdn Bhd (Auto Eurokars), pengedar kenderaan Porsche di Malaysia mengunjurkan peningkatan jualan antara 30 dan 40 peratus tahun ini berikutan pelancaran model terbaru Boxster dan Boxster S.

Pengerusinya, Datuk Mokhzani Mahathir, berkata model terbaru Porsche itu diyakini mampu meningkatkan jualan syarikat kerana ia sudah lama dinantikan peminat kereta sport mewah itu.

"Kali terakhir model Boxster diperkenalkan ialah pada 1996 dan peminat kereta Porsche sentiasa menantikan kemunculan siri terbaru ini.

"Justeru, ia dijangka mendapat sambutan baik, sekali gus memberikan kesan positif kepada jualan syarikat," katanya pada sidang media selepas pelancaran kedua-dua model terbaru Porsche Boxster itu di Kuala Lumpur, Sabtu lalu.

Hadir sama, Pengurus Serantau Selepas-Jualan yang juga wakil Porsche di Asia Pasifik, Andreas Klingler dan Ketua Eksekutif Auto Eurokars, David Mac Guhan.

Sementara itu, Mokhzani berkata, Auto Eurokars mensasar menjual 120 unit kereta Porsche tahun ini.

Model Boxster, katanya, dijangka menyumbang 50 peratus kepada jualan kereta sports syarikat.

Beliau berkata, bagi Boxster dan Boxster S, pihaknya sudah menempah 20 unit yang mana enam sudah dijual.

"Model terbaru Porsche itu mengambil kira cita rasa tempatan dan mensasarkan profesional muda mahupun mereka yang belum pernah merasai pemanduan Porsche.

"Kedua-dua model Boxster ini sesuai untuk penggunaan harian dan ia lebih menumpukan kepada memberikan nikmat pemanduan yang unggul serta membolehkan pemiliknya menguji kemampuan sebenar kereta ini," katanya.

Bagaimanapun, Mokhzani berkata, Auto Eurokars tidak melupakan penduduk di luar Lembah Klang dan sehubungan itu merancang membuka cawangan di kawasan utara, selatan serta Sabah dan Sarawak tahun ini.

Katanya, setakat ini, 1,200 kereta Porsche berada di jalan Malaysia sejak diperkenalkan 30 tahun lalu, manakala harga pengenalan Boxster ialah RM470,000 seunit, Boxster S (RM555,000).

Boxster dan Boxster S itu menawarkan ketangkasan, dinamik dan pencapaian lebih mantap dengan mementingkan keselesaan serta reka bentuk lebih bergaya.

Bagi model Boxster, penggunaan enjin enam silinder mampu mengeluarkan kuasa 240 bhp pada 6,400 rpm.

Boxster S pula dianggap paparan lebih gagah dalam siri Porsche kerana enjinnya mengeluarkan kuasa 280 bhp pada 6,200 rpm dan mampu melakukan pecutan daripada statik sehingga 100 kilometer sejam dalam masa 5.5 saat.

(END) Source : Berita Harian